

Jangan bergantung kepada kerajaan: PM

Rakyat perlu ada cita2 sendiri

BH 5 DEC 1984

SEMENYIH, Selasa — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengemukakan rakyat perlu mempunyai cita-cita untuk melaksanakan rancangan mereka sendiri sebagai sumbangan kepada pembangtman negara.

Beliau mengemukakan usaha membangunkan negara bukan semata-mata bergan-

tung kepada rancangan yang dilaksanakan oleh kerajaan tetapi juga kesediaan rakyat membuat sumbangan melalui rancangan-rancangan untuk keluarga dan diri sendiri.

Tegas beliau, kerajaan mengemukakan pelbagai slogan seperti cckap, bersih dan amanah, berdisiplin dan kepemimpinan melalui teladan supaya nilai-nilai murni tersemua di jiwa rakyat.

Dengan memiliki nilai-

nilai ini, beliau percaya rakyat akan menyedari tanggungjawab mereka untuk turut sama membangunkan negara melalui rancangan-rancangan mereka sendiri, tanpa mementingkan diri sendiri dan mengutamakan faedah jangka panjangnya kepada pembangunan negara.

Berucap kepada kira-kira 5.000 penduduk Semenyih yang menyambut beliau sempena lawatannya ke Selangor, petang ini, Perdana Menteri menegaskan walaupun pada masa ini slo-

gan-slogan itu tidak begitu popular, beliau percaya satu hari nanti ia akan diterima sepenuhnya oleh rakyat.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan, setelah 27 tahun merdeka, Malaysia muncul sebagai sebuah negara yang dihormati kerana keadaannya yang aman tenteram dan stabil.

Katanya, negara tidak lagi dipandang rendah oleh dunia luar walaupun ketika Malaysia mencapai kemerdekaan dahulu, adagolongan yang mengatakan bahawa kemerdekaan itu tidak akan kekal, akan menghadapi huru-hara. Tidak botch membangun kerana pada masa itu tidak ada perpaduan antara kaum di negara ini.

"Bersyukur kepada Allah, kita bukan sahaja berjaya membangunkan negara, tetapi juga dapat menyatupadukan rakyat negara ini," tambahnya.

Katanya, walaupun masih wujud rasa perkaumanantara setengah pihak tetapi ia tidak seburuk seperti pada tahun 1969 dahulu.

Malah, katanya, ada pihak yang mendakwa sejarah Malaysia akan lama berikutan kejadian huru-hara pada tahun itu.

Sebaliknya, tambah beliau, pembangunan negara berterusan dan memberi faedah kepada rakyat bandar dan luar bandar.

"Di bandar kita lihat banyak rumah dan bangunan dan lain-lain

kemudahan. Di luar bandar juga ada kemudahan-kemudahan yang dahulunya tidak wujud dan semua ini memberi nikmat kepada rakyat," tambahnya.

Katanya, negara ini sering dilawati oleh pemimpin-pemimpin negara luar, malah dari negara-negara yang jarang didengar sebelum ini untuk mewujudkan perhubungan dan persahabatan dalam pelbagai bidang termasuk untuk menjual barang-barang mereka ke negara ini.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan, rakyat harus berusaha untuk mengekalkan penghormatan dunia luar kepada negara ini dengan memastikan ia terus mencapai kejayaan.

Hadir sama di majlis sambutan itu ialah Datuk Seri Dr Siti Hasmah, Menteri Besar Selangor, Datuk Haji Ahmad Razali Mohamad Ali serta ahli-ahli Exco dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Selangor.

Sebelum itu, Perdana Menteri meninjau kemasukan projek bekalan air Empangan Sungai SC menyih, kira-kira 20 kilometer dari sini.

Di samping meninjau kawasan empangan itu, beliau juga mendengar taklimat daripada Pengarah Jabatan Bekalan Air Selangor, Encik Mok Ah Kow mengenai pembinaan empangan itu.